

Headline	Inisiatif 'hijau' kekal kelestarian lebuhraya		
MediaTitle	Kosmo		
Date	21 Aug 2024	Color	Full Color
Section	Kosmo 2	Circulation	155,996
Page No	30	Readership	467,988
Language	Malay	ArticleSize	818 cm ²
Journalist	CHAZALI ALIAS	AdValue	RM 21,310
Frequency	Daily	PR Value	RM 63,930



Oleh GHAZALI ALIAS

USAHA penjagaan alam sekitar bukan sahaja tertumpu kepada kawasan hutan atau demografi hijau, malah perlu melibatkan lokasi pembangunan termasuk bandar dan lebuhraya.

Hal ini berikutan, usaha 'hijau' adalah salah satu inisiatif yang fleksibel dan semua kawasan boleh dijadikan sebagai mesra alam jika dirancang dengan cara betul, selain memupuk kesedaran terhadap masyarakat.

Berdasarkan konsep itu, PLUS Malaysia Berhad (PLUS) menzahirkan komitmen terhadap agenda kelestarian dan pemeliharaan alam sekitar menerusi usaha berterusan menjaga lebih kurang 270,000 pokok termasuk tumbuhan renek di sepanjang lebuhraya kendalian syarikat tersebut.

Menurut Pengarah Urusan PLUS, Datuk Nik Airina Nik Jaffar, usaha tersebut merupakan misi syarikat itu untuk menghubungkan komuniti dalam mencorakkan masa hadapan selamat dan lestari.

Inisiatif tersebut juga disusuli dengan komitmen untuk menyokong aspirasi dan rancangan kelestarian negara melalui operasi lebuhraya peka terhadap penjagaan alam sekitar, bertanggungjawab kepada keperluan sosial serta menegakkan nilai tadbir urus yang baik.

"Usaha pemeliharaan alam sekitar PLUS bertujuan memberi pendekatan aktif bagi mengurangkan pelepasan gas rumah hijau dan jejak alam sekitar.

"Inisiatif kami memanfaatkan teknologi hijau, kecekapan tenaga dan tenaga boleh diperbaharui yang merangkumi pengubahsuaian lebih 37,000 lampu diod pemancar cahaya (LED) sepanjang lebuhraya.

"Selain itu, ia melibatkan pemasangan sistem PV solar di pejabat dan fasiliti kami.


"Usaha-usaha ini telah berjaya mengurangkan pelepasan gas rumah hijau sebanyak 27 peratus berbanding garis dasar 2017," katanya menerusi satu kenyataan akhbar baru-baru ini.

Tambahnya, lebuhraya milik PLUS juga menghubungkan pelbagai destinasi ekopelancongan yang menarik dalam negara.

Oleh itu, pihaknya menggalakkan orang ramai mengambil peluang berkenaan untuk melancong di dalam negara yang kaya dengan khazanah alam semula jadi.

Sementara itu, sebagai langkah kesedaran, PLUS turut menganjurkan program Pemuliharaan Hutan dan Kesedaran Alam Sekitar yang menampilkan pelbagai agensi berkaitan.

Program tersebut menampilkan hasil penyelidikan mengenai perhutanan tropika oleh Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), inisiatif pemuliharaan hidupan liar oleh Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan



PLUS sentiasa komited dengan agenda kelestarian dan pemeliharaan alam sekitar menerusi usaha penjagaan lebih kurang 270,000 pokok di sepanjang lebuhraya syarikat itu. - GAMBAR HIASAN

Inisiatif 'hijau' kekal kelestarian lebuhraya

Taman Negara (Perhilitan).

Selain itu, terdapat pameran pertanian bandar oleh perusahaan sosial, Eats, Shoots & Roots, kesedaran mengenai sifat penyembuhan tumbuhan-tumbuhan (Little Eden Succulents), serta pemeliharaan seni kraf tangan berasaskan alam semula jadi (Global Environment Centre dan Pertubuhan Sahabat Gambut Asli Temuan).

"Pengisian utama program ini melibatkan sesi interaksi dan



Inisiatif kami memanfaatkan teknologi hijau, kecekapan tenaga dan tenaga boleh diperbaharui yang merangkumi pengubahsuaian lebih 37,000 lampu LED sepanjang lebuhraya dan pemasangan sistem PV solar."

perkongsian antara Bahagian Biodiversiti Hutan FRIM serta warga kerja PLUS.

"Ia bagi meningkatkan kesedaran mengenai pemuliharaan hidupan liar, kepentingan dan cabaran dalam melindungi biodiversiti, serta mengenal pasti peluang untuk berkolaborasi.

"PLUS sentiasa komited terhadap pengurusan alam sekitar yang baik dan menyokong pembangunan kelestarian negara," ujarnya.



PROGRAM Pemuliharaan Hutan dan Kesedaran Alam Sekitar anjuran PLUS turut disertai oleh FRIM.

Forest Research Institute Malaysia (FRIM)